

JAN rekod RM5.8 bilion wang tidak dituntut

KUBANG PASU - Sejumlah RM5.8 bilion wang tidak dituntut (WTD) direkodkan sehingga Disember tahun lepas, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz.

Beliau berkata, orang ramai digesa membuat semakan dan sekiranya mempunyai WTD boleh membuat tuntutan di mana-mana pejabat Jabatan Akauntan Negara (JAN) di seluruh negara.

"Kemudahan untuk membuat semakan WTD turut disediakan menerusi Pusat Transformasi Komuniti Bergerak pada Karnival Jerlun For Jer-

lun pada 9 dan 10 Februari depan," kata Othman yang merupakan Ahli Parlimen Jerlun pada sidang akhbar berhubung penganjuran karnival itu di sini semalam.

Beliau berkata, sejumlah 16 agensi kerajaan bersama firma pencarian kerja, JobStreet yang akan menawarkan 500 peluang pekerjaan memabitkan pelbagai sektor akan terlibat dalam karnival yang akan diadakan di Kompleks Sukan Jerlun di Sanglang dekat sini.

Karnival itu menyasarkan 15,000 pengunjung katanya. - Bernama



OTHMAN (kanan) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Siputeh, Datuk Abu Hasan Sarif memasukkan kiraan hari menjelang penganjuran Karnival Jerlun For Jerlun di Pejabat Daerah Kecil Jerlun semalam.